

# 'Tiada dokumen penubuhan FLOM'

BA-6/2/2020 m/s:12

**Kuala Lumpur:** Hari pertama perbincangan kes rasuah membatik RM194 juta dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor, semalam, bermula dengan pendedahan kewujudan Bahagian First Lady of Malaysia (FLOM) di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.

Saksi pertama pendakwaan memberitahu Mahkamah Tinggi beliau menerima arahan untuk menamakan bahagian pengurusan penyelarasan program Perdana Menteri yang membatik Rosmah sebagai FLOM.

Pengaruh Bahagian Keurusetiaan dan Pengurusan Perkhidmatan Pejabat Perdana Menteri (PMO), Huzairi Zainal Abidin, 43, berkata arahan untuk mewujudkan FLOM dibuat Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Tan Sri Ab Aziz Kassim pada 2009.

Katanya, Ab Aziz mengarahkan bahagian khas itu diwujudkan untuk menguruskan semua program membatik Rosmah, namun tidak pasti siapa yang menamakannya sebagai FLOM.

Saksi pertama pendakwaan itu berkata, tiada sebarang dokumen boleh menunjukkan penubuhan FLOM kerana ia hanya berdasarkan arahan lisan dan membatik kegunaan dalaman PMO saja.

"Bahagian FLOM ditempatkan di bangunan PMO bersama semua pegawai dan kakitangan serta turut dimasukkan ke dalam direktori laman web PMO ketika itu.

"Namun, penggunaan nama FLOM itu menjadi isu yang besar kerana pembangkang beranggapan gelaran FLOM adalah untuk Permaisuri Agong," katanya ketika membacakan pernyataan saksi di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Huzairi berkata, berikutan isu itu, nama FLOM ditukarkan kepada Bahagian Khas pada Ogos atau September tahun yang sama bagi mengelakkan salah faham, namun fungsinya tetap sama.

Katanya, bahagian itu tidak mempunyai bajet tersendiri untuk penganjuran program, tetapi pegawai dan kakitangannya layak dibayar tuntutan perjalanan dan kerja lebih masa, sekiranya perlu mengurus atau menghadiri majlis seperti yang diarahkan.

Bayaran gaji kakitangan dan pegawai bahagian itu dilakukan di bawah PMO dan perlu melaporkan tugas mereka kepada Datuk Siti Azizah Sheikh Abod selaku Ketua Bahagian Khas.

"Sebelum Datuk Seri Najib menjadi Perdana Menteri, isteri Per-

dana Menteri terdahulu hanya diberi seorang setiausaha sulit khas yang berperanan untuk menyelaraskan program yang perlu dihidari oleh isteri Perdana Menteri.

"Sebelum ini bahagian FLOM tidak pernah wujud di Pejabat Perdana Menteri," katanya.

Pada prosiding itu juga, Penolong Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Redzuan Othaman menunjukkan beberapa gambar lokasi laman rumah, termasuk ruang tamu yang didakwa berlaku penyerahan wang berjumlah RM1.5 juta kepada Rosmah.

Ketika diminta menerangkan diskripsi gambar lokasi ruang tamu ketiga di mana terletaknya sofa hijau, Mohd Redzuan berkata gambar itu adalah lokasi penyerahan wang kepada Rosmah.

Mengulas lanjut mengenai tugasannya, saksi pendakwaan kedua itu berkata, beliau mengambil 10 keping gambar termasuk laman rumah, ruang tamu dan pintu pagar rumah Rosmah yang terletak di Jalan Langgak Duta, Kuala Lumpur selepas diarahkan oleh Penguasa Kanan SPRM, Mohd Shukri Mohd Said.

"Tugasan mengambil gambar tempat kejadian dilakukan pada 2

November 2018 sekitar jam 11 pagi. Saya pergi ke tempat kejadian bersama beberapa pegawai SPRM lain, antaranya Penolong Kanan Penguasa Mohd Ahyar Salleh Huddin dan penguasa Rekhraj Singh Jaswant.

"Operasi mengambil gambar tempat kejadian selesai sekitar jam 1 tengah hari dan pada hari sama, saya memindahkan semua gambar yang diambil daripada kad memori kamera ke dalam komputer saya.

"Kemudian, saya telah mencekak gambar itu menggunakan mesin pencetak pejabat yang disambung ke komputer saya," katanya yang turut memaklumkan semua gambar yang dicetak itu telah diserahkan kepada pegawai penyiasat kes, Noornabilah Mohd Aziman.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Poh Yih Tinn mengapa beliau tidak mengambil gambar nombor jalan dan nombor rumah isteri bekas Perdana Menteri itu, Mohd Redzuan, menjawab: "Tidak mungkin SPRM akan tersilap rumah.

"Yang pasti jika salah rumah, tuan rumah tidak akan bagi masuk... yang pasti rumah itu adalah rumah Rosmah," katanya.